



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN ANUGERAH HADIAH BUKU INOVASI
MALAYSIAN TECHNOLOGY DEVELOPMENT CORPORATION (MTDC) UKM**

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Pusat Siswazah dengan kerjasama dan sumbangan daripada Malaysia Technology Development Corporation Sdn. Bhd. mewujudkan dan menamakan anugerah ini sebagai Hadiah Buku Inovasi MTDC bagi menghargai dan mengiktiraf tesis terbaik berkaitan polisi, insentif dan pengurusan inovasi dan teknologi/ pengkomersialan/ pemindahan teknologi/ adaptasi teknologi oleh usahawan/ pembiayaan keusahawanan/ pembangunan inkubator/ pembangunan keusahawanan/ pembangunan ekosistem perniagaan berteknologi/ pembangunan Industri 4.0 dan yang berkaitan dengannya.
- 1.2 Pemenang akan dipilih dari bidang Sains Sosial, yang mana seorang pemenang dipilih dari kategori Kedoktoran atau kategori Sarjana.

2.0 SYARAT PERMOHONAN

- 2.1 Graduan Sarjana dan Doktor Falsafah dalam penyelidikan bidang Sains Sosial;
- 2.2 Warganegara Malaysia;
- 2.3 Berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa;
- 2.4 Memperoleh keputusan peperiksaan lisan berstatus sama ada Baik atau Cemerlang sahaja;
- 2.5 Melengkapkan pengajian dalam tempoh:

Sarjana (Mod Penyelidikan)	tidak melebihi 6 Semester
Doktor Falsafah	tidak melebihi 12 Semester

- 2.6 Menghasilkan output penyelidikan seperti berikut:
 - 2.6.1 Penerbitan makalah dalam jurnal berimpak tinggi (WoS/Scopus) atau terindeks atau;
 - 2.6.2 Prosiding terindeks atau;
 - 2.6.3 Bab dalam buku atau;
 - 2.6.4 Lain-lain kecemerlangan (anugerah penyelidikan, hasil penyelidikan telah memulakan proses perlindungan harta intelek);
- 2.7 Tesis yang dikemukakan mestilah berkaitan dengan:
 - 2.7.1 Polisi, Insentif dan pengurusan inovasi dan teknologi; atau
 - 2.7.2 Pengkomersialan/ pemindahan teknologi; atau
 - 2.7.3 Adaptasi teknologi oleh usahawan; atau
 - 2.7.4 Pembiayaan keusahawanan; atau

- 2.7.5 Pembangunan inkubator; atau
 - 2.7.6 Pembangunan keusahawanan; atau
 - 2.7.7 Pembangunan ekosistem perniagaan berteknologi; atau
 - 2.7.8 Pembangunan Industri 4.0 dan yang berkaitan dengannya.
- 2.8 Calon tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib Universiti dan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang bercanggah dengan Akta Universiti dan salah laku penyelidikan.

3.0 PROSEDUR PELAKSANAAN

- 3.1 Pelajar menghantar permohonan Hadiah Buku Inovasi MTDC kepada Pusat Siswazah setelah permohonan dibuka dan setelah mendapat pengesahan daripada penyelia utama;
- 3.2 Pencalonan akan dinilai oleh jawatankuasa yang ditubuhkan oleh UKM dengan keahlian yang terdiri daripada Pusat Siswazah, CESMED, INOVASI, wakil dari Fakulti/Institut yang dilantik serta wakil dari MTDC. Jawatankuasa bertanggungjawab membuat penilaian dan pemilihan calon yang akan dimajukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hadiah Universiti;
- 3.3 Senarai pemenang Anugerah Hadiah Buku Inovasi MTDC akan disenaraikan dalam buku cenderamata Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 3.4 Satu salinan tesis pemenang Anugerah Hadiah Buku Inovasi MTDC perlu dikemukakan kepada pihak MTDC untuk rujukan dan rekod.

4.0 PROSES PEMILIHAN

- 4.1 Proses saringan akan dilakukan oleh panel penilai yang dilantik.
- 4.2 Pemilihan penerima Anugerah Hadiah Buku Inovasi MTDC akan dibuat oleh mesyuarat Senat yang dipengerusikan oleh Naib Canselor UKM.
- 4.3 Penilaian dan keputusan dari mesyuarat Senat adalah muktamad.

5.0 HADIAH

Penerima anugerah akan menerima wang tunai RM1,000.00 dan hadiah buku bernilai RM500.00. Hanya satu pemenang akan dipilih pada setiap tahun.

6.0 URUS SETIA

Urus setia bagi Anugerah Hadiah Buku Inovasi MTDC UKM adalah:

Unit Anugerah dan Biasiswa
Pusat Siswazah UKM
Blok B, Aras 3, Bangunan Tun Fatimah Hashim
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
03-89213100/4207
awardsandscholarship@ukm.edu.my